

02/11/2003

Emha puji kepemimpinan Dr Mahathir

Jamudin Idris

SEKIRANYA dompet anda dicuri oleh penyeluk saku di kota Jogjakarta, jangan terlalu gusar sekiranya anda mengenali Emha Ainun Nadjib. Ini kerana jika aduan itu disampaikan kepadanya kurang daripada tiga jam, insya-Allah dompet dan wang anda selamat.

Ini bukan menunjukkan Emha melindungi penjenayah atau samseng tetapi tokoh yang terkenal dengan panggilan Cak Nun, seorang yang cukup terpengaruh di kota kebudayaan dan sejarah itu. Begitu disayangi dan dihormati di kalangan masyarakatnya.

Dengan menyebut satu perkataan saja, penjenayah dan samseng dapat mengesan penyeluk saku itu. Ini semua dapat dilakukan kerana Cak Nun mendampingi kumpulan penjenayah, anak jalanan, buruh, nelayan dan golongan sederhana dan bawahan yang dipinggirkan.

Ini bererti, jika Cak Nun yang mengeluarkan perintah, kumpulan tadi akan berikhtiar mencarinya kerana bagi mereka, perintah Cak Nun perlu dipatuhi.

"Saya mengangkat kumpulan penjenayah, anak-anak jalanan, buruh dan nelayan ke tempat yang sewajarnya. Masalah mereka diberi perhatian. Saya menerapkan unsur manusiawi kerana golongan itu juga mahu masalah mereka turut didengar," katanya dalam satu pertemuan di Kuala Lumpur selepas mengadakan persembahan konsert Gamelan Kiai Kanjeng. Turut serta isterinya Novia Kolapaking.

Dihitung dari tahun keempat berdirinya Gamelan Kian Kanjeng, yakni sejak Jun 1998 hingga Jun 2003, kumpulan itu telah berkunjung ke lebih 21 wilayah, 360 kota dan 830 daerah dan 1,200 desa di seluruh Indonesia.

Kiai Kanjeng mengadakan persembahan dengan gamelan, gendang, biola, gong dan alat muzik lain. Kumpulan itu mengadakan persembahan di Shah Alam, Kuala Lumpur dan Perak. Konsertnya dianjurkan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Kedutaan besar Republik Indonesia dan Persatuan Penulis Nasional Malaysia (Pena).

Emha berkata, kehadiran Gamelan Kian Kanjeng ke kota dan desa seluruh Indonesia, sebenarnya atas permintaan masyarakat itu sendiri. Mereka akan menguruskan tempat dan kemudahan lain kerana masyarakat bawahan sebenarnya dahagakan perhatian.

Jadi jangan terkejut jika Gamelan Kian Kanjeng mengadakan konsert di tepi atau dalam hutan kerana tempat tidak menjadi alasan untuk menghibur dan berdakwah. Melalui persembahannya, kumpulan itu menerapkan lagu puisi, muzik, selawat dan doa. Ia dilakukan dengan penuh kerohanian dan estetika melalui peralatan moden dan tradisional berteraskan gamelan.

Pada masa sama, Cak Nun berjaya menghimpun melalui dialog bulanan dihadiri ribuan orang di Jombang, Jawa Timur atas nama 'Padang Bulan' - Di situ mereka berselawat, berzikir dan berdoa bersama-sama.

Sebagai budayawan, Emha bukan sekadar berpuisi tetapi kesediaannya mendampingi semua lapisan masyarakat, mendengar rintihan dan membela nasib mereka hingga disampaikan kepada kerajaan. Disebabkan beliau kolumnis di akhbar, ada juga yang mengharapkan beliau mencatatkan harapan orang ramai untuk perhatian kerajaan.

"Saya berkarya dan menulis bukan untuk memuji seseorang seperti Presiden, Wakil Presiden atau menteri. Saya memperkatakan hak orang awam dan kerana itu saya berazam untuk tidak menganggotai mana-mana parti politik," katanya.

Cak Nun berkata, kerana keadaan ekonomi Indonesia terus merosot, peluang pekerjaan yang terhad, rasuah berleluasa, sesetengah rakyat tidak

mempunyai pilihan dan terpaksa menjadi samseng dan penjenayah demi untuk hidup.

Bagaimanapun nasib golongan ini tidak diberi perhatian. Padahal rata-rata rakyat Indonesia gigih bekerja dan jika upaya digunakan dengan cara betul, Indonesia mampu menjadi negara maju.

Emha berkata, Malaysia sungguh beruntung kerana mempunyai seorang pemimpin yang hebat seperti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan berjaya membawa negara ini kepada kecemerlangan.

"Berlainan dengan Indonesia yang pemimpinnya asyik bertelagah, rasuah berleluasa yang membawa negara itu kepada kehancuran," katanya dalam ucapan di Shah Alam.

Beliau menasihatkan pekerja Indonesia di Malaysia supaya bekerja dengan tekun dan menjadi seorang pekerja yang disukai majikan.

Mengenai politik Indonesia khususnya menjelang pilihan raya atau pemilu pada tahun depan, Emha berkata, pada masa ini parti politik giat mencari pasangan.